

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/10/14 - 68

MAKLUMAN PERUBAHAN WAKTU OPERASI KAUNTER LHDNM SEPANJANG TEMPOH PKPB, PKPD DAN PKPDB

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa terdapat perubahan waktu operasi kaunter LHDNM di cawangan-cawangan yang terlibat dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) seperti berikut:-

Sabah

- 1) Kaunter Setempat dan Kaunter Duti Setem Cawangan Tawau akan beroperasi semula pada 15 Oktober 2020.
- 2) Cawangan LHDNM Kota Kinabalu dan Sandakan masih lagi ditutup sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
- 3) Berikut merupakan waktu operasi kaunter Cawangan Tawau, Cawangan Keningau dan Pusat Satelit Lahad Datu dalam tempoh pelaksanaan PKPB:-

Jenis Perkhidmatan	Waktu Operasi	
Kaunter Setempat (Bagi Perkhidmatan Percukaian)	Isnin - Jumaat 8.00 am - 4.00 pm	
Kaunter Duti Setem	Pejabat Setem Cawangan	Pusat Khidmat Hasil (PKH)
	Isnin - Jumaat 8.00 am - 3.00 pm	Isnin - Jumaat 8.00 am - 1.00 pm 1.30 pm - 3.00 pm
	Penerimaan bayaran sehingga 1.00 pm sahaja	

WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan Selangor

- 4) Waktu operasi kaunter LHDNM dalam tempoh pelaksanaan PKPB adalah seperti berikut:-

Jenis Perkhidmatan	Waktu Operasi	
Kaunter Setempat (Bagi Perkhidmatan Percukaian)	Isnin - Jumaat 8.00 am - 4.00 pm	
Kaunter Duti Setem	Pejabat Setem Cawangan	Pusat Khidmat Hasil (PKH)
	Isnin - Jumaat 8.00 am - 3.00 pm	Isnin - Jumaat 8.00 am - 1.00 pm 1.30 pm - 3.00 pm
	Penerimaan bayaran sehingga 1.00 pm sahaja	

- 5) Semua pejabat LHDNM di Kompleks Bangunan Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur termasuk Pusat Bayaran Kuala Lumpur masih ditutup sehingga 16 Oktober 2020 bagi kerja-kerja sanitasi.



- 6) Dalam tempoh penutupan ini, bayaran cukai boleh dibuat secara dalam talian (portal ByrHasil) atau di kaunter bank ejen yang dilantik oleh LHDNM. Bagi bayaran cukai pegangan (*withholding tax*) pula, pembayar cukai disarankan untuk menghubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara) atau melalui e-mel HelpTTpayment@hasil.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan aturan bayaran.
- 7) Sementara itu, waktu operasi kaunter Pusat Bayaran Kuala Lumpur bermula 19 Oktober 2020 sehingga 27 Oktober 2020 adalah seperti berikut: -

Jenis Perkhidmatan	Waktu Operasi
Bayaran Tunai dan Kad Kredit	Isnin - Jumaat 8.00 am - 2.30 pm
Bayaran Selain Tunai	Isnin - Jumaat 8.00 am - 4.00 pm

WP Labuan

- 8) Kaunter Duti Setem Cawangan Labuan akan beroperasi seperti berikut:-

Jenis Perkhidmatan	Waktu Operasi
Kaunter Duti Setem	Isnin - Jumaat 8.00 am - 5.00 pm (Penerimaan bayaran sehingga 1.00 pm sahaja)



Kedah

9) Kaunter Duti Setem Cawangan Alor Setar akan beroperasi seperti berikut:-

Jenis Perkhidmatan	Waktu Operasi	
Kaunter Duti Setem	Ahad - Rabu 8.00 am - 5.00 pm	Khamis 8.00 am - 3.30 pm
	Penerimaan bayaran sehingga 1.00 pm sahaja	

10) LHDNM akan mengemaskini waktu operasi cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) dari semasa ke semasa sepanjang tempoh pelaksanaan PKPB, PKPD dan PKPDB.

11) Dalam tempoh ini pembayar cukai disarankan untuk melakukan urusan percukaian secara dalam talian. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

###

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
 Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
 Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 14 Oktober 2020



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 4 daripada 4